

Berjudi dalam talian di tempat awam, wanita didenda

MIRI: Seorang wanita dikenakan hukuman denda RM3,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Tertuduh, Susie Ningkan, 30, dari Tudan Desaras di sini, didakwa mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara hingga enam bulan

atau kedua-duanya sekiranya sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan pada jam 4.50 petang, 15 Januari lalu di sebuah premis di Lorong 2 Permy Teknologi Park di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan polis mendapati telefon bimbit milik tertuduh ada memaparkan

aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas untuk dijadikan barang kes.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Kes dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Ashok Linggam.